



■ Azean diberi penghormatan menyampaikan award Pengarah Filem Terbaik kepada seniman Jins Shamsuddin. Selepas itu mereka pun turun dari pentas bersama dan Azean masih terus menangi kerana terharu bercampur ria memenangi Aktres Terbaik. — Gambar Berita Harian.

Biasiswa Kerajaan Kursus untuk artis

Gambar2
Malam
Merak
Kayangan
Muka 10

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan, Kerajaan merancang memberi biasiswa kepada artis dan pelakon filem yang ingin mengikuti kursus-kursus perfileman di luar negeri.

Timbalan Perdana Menteri itu berkata, langkah ini bertujuan meninggikan lagi mutu perfileman tanah air di samping ingin melihat produser bekerja terus mengeluarkan filem-filem tempatan.

"Kerajaan galakkan artis, pengarah dan produser filem dihantar ke tempat-tempat tertentu di luar negeri yang terdapat akademi seni untuk menambah pengetahuan dan kemahiran mereka," katanya lagi.

Latihan

Datuk Seri Dr. Mahathir mengumumkan ketika menutup Festival Filem Malaysia di Malam Merak Kayangan di sebuah hotel terkemuka di sini, malam tadi.

Bellau kemudian menyampaikan award untuk filem Heavy Drama Terbaik, Filem Light Drama Terbaik dan Filem Komedi Terbaik kepada pemenang.

Bellau juga berkata, artis perlu mendapat latihan di samping bakat semula jadi yang ada pada mereka.

"Tanpa latihan mereka tidak dapat mencapai taraf profesionalisma," tambahnya lagi.

Timbalan Perdana Menteri selanjutnya menegaskan, Kerajaan akan membantu usaha-usaha Persatuan Wartawan Hiburan (EJA) menganjurkan festival seumpama itu di masa depan.

Penyelaras

"EJA akan menganjurkan majlis penyampaian award, sebaliknya Kerajaan akan membantu dengan wang ringgit," katanya lagi.

Bellau menambah, usaha-usaha EJA patut dipuji kerana merancang pemberian award-award tertentu untuk filem-filem buatan Malaysia.

Katanya, festival seumpama itu tidak perlu diadakan oleh banyak badan. "Cukuplah satu persatuan saja yang menganjurkannya," tambahnya lagi.

Timbalan Perdana Menteri menjelaskan,

No. Siri

No. Penerbitan

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia